



Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884V)

Tingkat 5, Menara I & P 1, Tel: +60 3 2095 3030
No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, Fax: +60 3 2095 2121
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

NEWSPAPER CLIPPING

Media Organisation	:	Berita Harian
Date	:	12 / 11 / 2015

Pembinaan MRT jajaran pertama ikut jadual

Kuala Lumpur: Bangga dan berpuas hati dengan perkembangan semasa projek Mass Rapid Transit (MRT), Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yakin jajaran pertama projek itu dapat beroperasi menjelang akhir tahun depan seperti yang dijadualkan.

"Saya melihat apa yang kita rancang selama ini, hari ini telah menjadi kenyataan, maka sasaran kita supaya jajaran pertama MRT dapat beroperasi akhir tahun hadapan akan dapat dipenuhi," katanya kepada pemberita ketika melawat depot tren MRT di Sungai Buloh, di sini, semalam.

Najib berkata, MRT kini memiliki 19 tren dan akan menerima 35 tren lagi menjelang pertengahan tahun depan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, projek pembinaan MRT itu membuka banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan disertai syarikat tempatan, sekali gus menunjukkan adanya elemen pemindahan teknologi.

Sedia peluang pekerjaan
"Kita dapat lihat peluang peker-

jaan untuk ramai anak Malaysia yang mempunyai kelulusan dan pengalaman. Pembabitannya mereka dalam pembangunan MRT merupakan pengalaman yang cukup berharga (buat mereka)," katanya.

Terdahulu, Najib tiba pada jam 5.25 petang untuk melawat depot MRT Sungai Buloh yang dibina oleh Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) sejak Julai 2011.

Lawatan pertama

Ia adalah lawatan pertamanya ke depoh berkenaan dan lawatan keempat beliau ke projek MRT Lembah Klang (KVMRT).

Beliau pernah melawat Syaf Pe-lancaran Cochrane sebanyak dua kali dan Stesen MRT Tun Razak Exchange sekali.

Pada lawatan kali ini, Najib dibawa ke bengkel penyelenggaraan stok kereta api untuk melihat tren MRT yang siap dipasang sepenuhnya dan diuji.

Sepanjang lawatan itu, beliau turut mendengar penerangan dan taklimat oleh Pengarah Projek MRT Corp bagi laluan Sungai Buloh-Kajang, Marcus Karakashian.

BERNAMA



Najib diberi penerangan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation, Datuk Seri Shahril Mokhtar (tengah) ketika melawat **Projek MRT Sungai Buloh**, semalam. [FOTO BERNAMA]